

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MADIUS TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pelabuhan POIC Lahad Datu yang baru mendapat kelulusan sebagai '*legal landing place*' akan terus berkembang dan maju sehingga menjadikan realiti potensinya menjadi '*the Rotterdam of the East*'.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Semasa lawatan mantan YB Menteri KPPK ke Sabah pada 9 Disember 2019, satu perjumpaan dengan pihak POIC Lahad Datu dan *Asia Pacific Exchange* (APEX) telah diadakan. Perjumpaan tersebut turut dihadiri oleh wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Perjumpaan tersebut telah membincangkan beberapa langkah strategik antaranya:

- i. kerjasama bersama pihak APEX yang telah mengiktiraf POIC Lahad Datu sebagai *Port Tank Installation* (PTI) yang pertama di Malaysia Timur spesifik kepada CPO dan RBDPO. Dalam hal ini, pihak APEX perlu mendapatkan kelulusan daripada Securities Commission Malaysia (SC) bagi menjalankan perdagangan ini; dan
- ii. cadangan penubuhan *Free Trade Zone* (FTZ) di POIC Lahad Datu sebagai langkah untuk merencanakan lagi urusan niaga setelah pewujudan *APEX delivery location*.

Walau bagaimanapun, perancangan hala tuju pembangunan POIC Lahad Datu adalah bukan di bawah seliaan Kementerian ini memandangkan ianya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.